

**Praktis Pengukuhan 1**

Bulatkan kata bilangan yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian, kelaskan kata bilangan tersebut mengikut jenisnya.

| Ayat                                                                                                                      | Jenis kata bilangan |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| 1 Pasar tani itu dibuka pada setiap pagi Sabtu dan Ahad.                                                                  |                     |
| 2 Azura hanya sempat menyiapkan dua pertiga daripada soalan Matematik semasa guru memberitahu masa menjawab soalan tamat. |                     |
| 3 Kedua-dua orang anak Pak Ramli ditangkap oleh polis kerana mencuri.                                                     |                     |
| 4 Emak menyangi berpuluh-puluh ekor ikan tenggiri untuk dibuat bebola ikan.                                               |                     |
| 5 Semua murid dikehendaki mematuhi peraturan sekolah.                                                                     |                     |
| 6 Para sukarelawan memberikan bantuan kepada mangsa banjir.                                                               |                     |
| 7 Sarah berasa amat kecewa kerana dia hanya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan melukis.                            |                     |
| 8 Berbagai-bagai jenis juadah yang enak dimasak oleh emak untuk majlis kelahiran adik.                                    |                     |

**Praktis Pengukuhan 2**

Garisi kata bilangan yang paling sesuai.

- 1 Pantai Port Dickson menyediakan ( pelbagai, berbagai ) kemudahan untuk para pengunjung.
- 2 Emak menyusun ( setiap, beberapa ) naskhah majalah yang berselerak di ruang tamu.
- 3 Abang saya mendapat tempat ( dua, kedua ) dalam acara lompat tinggi semasa sukan tahunan di sekolahnya.
- 4 Sudah hampir ( satu jam setengah, satu setengah jam ) saya menunggu Damia di perpustakaan.
- 5 ( Para-para, Para ) penonton terpesona melihat kelembutan gerak tari penari-penari yang mempersembahkan tarian kipas.
- 6 Sudah ( berbulan, berbulan-bulan ) lamanya anak Mak Ani tidak pulang ke kampung untuk menjenguknya.
- 7 ( Berapa, Beberapa ) orang penduduk Taman Midah menghidap demam denggi.
- 8 ( Setengah, Sesetengah ) orang tidak gemar akan makanan yang pedas.